

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 26 JULAI 2017

KERATAN AKHBAR

**Keja pembinaan tapak LRA Semenyih 2
sudah lebih 50 peratus siap**

SHAHALAM - Sidang Dun semalam diberitahu, kontraktor terpaksa menambah bilangan pekerja di tapak pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2 bermula 1 Februari lalu bagi mengelak sebarang kelewatan dalam kerja-kerja pembinaan loji tersebut.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, pada masa sama, tempoh masa bekerja juga ditambah dari lapan jam kepada 12 jam sehari.

"Sehingga 24 Jun lalu, kerja-kerja pembinaan di tapak tersebut sudah mencapai 56.16 peratus.

"Kita jangkakan kerja-kerja pembinaan dijadualkan siap pada 19 Disember nanti," katanya ketika menjawab pertanyaan lisan oleh Datuk Halimatun Saadiah Bohan (BN-Kota Damansara), semalam.

Terdahulu Halimatun Saadiah bertanya berkenaan status terkini pembinaan LRA Semenyih 2 serta masalah yang dihadapi ketika pembinaan tersebut.

Zaidi (Pas-Taman Templer) berkata, proses melaksanakan projek ini



Zaidy

melibatkan pengambilan balik tanah yang panjang berkaitan dengan tapak rumah pam Desa Putra dan ia telah diselesaikan pada 22 Mac lalu.

"Dengan selesainya proses pengambilan balik tanah ini, pihak kontraktor yang dilantik telah memulakan kerja-kerja pembersihan tapak dengan lancarnya.

"Kerja-kerja pembinaan di tapak bagi pembinaan LRA juga tidak mengalami sebarang masalah sejak kerja-kerja dimulakan pada 20 Mei 2016 lalu," katanya.

Namun demikian, katanya, keadaan hujan yang lebat antara tempoh Oktober hingga Disember 2016 telah menyebabkan pihak kontraktor memperlahan-

kan kerja-kerja di tapak bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

"Kerajaan negeri yakin kelewatan tersebut dapat diatasi dan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan," katanya.

Dalam pada itu, Zaidy menjelaskan, bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan, pemantauan di tapak dibuat secara berkala dan rapi melalui mesyuarat tapak setiap bulan bagi membincangkan kemajuan projek dan mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah yang timbul supaya tidak menjejaskan perjalanan projek.

"Kerajaan negeri juga memantau pelaksanaan projek dengan memastikan kontraktor mengemukakan Laporan Kemajuan Kerja Mingguan, melalui laporan ini kerajaan negeri dapat mengesan masalah yang dihadapi oleh kontraktor.

"Pada ketika ini, pihak kontraktor yang dilantik telah menambah tenaga kerja dan tempoh masa bekerja di tapak dalam usaha memastikan pembinaan dapat disiapkan mengikut jadual," katanya.